



SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PROGRAM HARI ISTIMEWA SAINS 2026 : INSPIRASI IMPIAN SPEKTRUM

KUALA LUMPUR, 12 MEI 2026 – YB Datuk Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melancarkan Hari Istimewa Sains (HIS) 2026 di Pusat Sains Negara (PSN) hari ini. HIS merupakan program khidmat sosial tahunan Pusat Sains Negara Kuala Lumpur yang bertujuan menggalakkan penglibatan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dan komuniti khas dalam aktiviti pembudayaan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI).

HIS yang bertemakan **Inspirasi Impian Spektrum** pada tahun ini mengetengahkan pendekatan bermain sambil belajar dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) melalui pengalaman sensorial yang merangkumi deria penglihatan, sentuhan, bau, rasa dan pendengaran. Penganjuran inisiatif ini selari dengan teras daya cipta dan ihsan dalam konsep Malaysia Madani serta peranan PSN dalam memastikan penyampaian ilmu STI dapat diakses secara inklusif oleh semua lapisan masyarakat.

Kumpulan sasaran program ini melibatkan pelbagai kategori OKU termasuk kurang upaya pendengaran, penglihatan, pertuturan, fizikal, pembelajaran, mental serta pelbagai ketidakupayaan lain. Selain itu, program ini turut melibatkan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK), komuniti asnaf, anak yatim serta orang awam.

Sepanjang penganjuran program ini, para peserta berpeluang menyertai pelbagai aktiviti interaktif termasuk eksplorasi Sains dan Teknologi, demonstrasi sains secara langsung, persembahan khas, bengkel permainan sensorial serta aktiviti kreatif serta praktikal yang dirangka khusus bagi memenuhi keperluan komuniti sasaran.

Turut hadir, YBhg. Dato' Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha MOSTI, YBhg. Dato' Ruziah binti Shafei, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains) dan YBrs. Tuan Megat Affandi Bin Datuk Wira Haji Ismail, Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

#TAMAT#

Disediakan oleh,

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

12 Mei 2026

Media kit link:

https://drive.google.com/drive/folders/11x_QTCcst3DTa6MmxizWDNB2vrRY30Rr?usp=drive_link

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Rosnani Rahman
Ketua Penolong Pengarah
Unit Pendidikan (Seksyen Operasi)
Pusat Sains Negara
(012-336 0739)

Nurul Khusna Hanum
Penolong Pengarah Kanan
Unit Komunikasi Strategik
(Seksyen Strategik komunikasi korporat)
Pusat Sains Negara
(010-247 7261)

Tentang Pusat Sains Negara (PSN):

Pusat Sains Negara telah ditubuhkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada 1996 dengan matlamat melahirkan generasi penyumbang dalam bidang sains dan teknologi, sekaligus membina masyarakat yang berbudaya sains. PSN juga merupakan sebuah institusi yang menerapkan pembelajaran dan pengajaran sains tidak formal. Untuk maklumat lanjut dan maklumat terkini, sila layari laman sesawang www.psn.gov.my